



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

RM1.25 Bilion Manfaat Disalurkan sejak 2019 - mySalam Semarakkan Jiwa Merdeka di Karnival 3K Petra Jaya

Memperkasa Komuniti B40 Melalui Ilmu Kewangan, Perlindungan dan Semangat Perpaduan dengan Program Berimpak Tinggi.

16 Ogos 2025, Sarawak – mySalam, skim perlindungan takaful nasional untuk komuniti B40 yang diuruskan oleh Great Eastern Takaful Berhad (GETB), meraikan sambutan Bulan Kemerdekaan di Sarawak melalui penganjuran Karnival 3K: Kewangan, Kesihatan dan Kebajikan pada hari ini. Karnival berskala besar yang diadakan di Samariang, Kuching ini dihadiri oleh hampir 3,000 pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat, menjadikannya platform penting dalam menyemai semangat kebersamaan dan sokongan sosial, khususnya kepada komuniti di Bumi Kenyalang.

Karnival 3K Petra Jaya yang telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof ini melambangkan usaha Kerajaan MADANI dalam memperkukuh perlindungan kewangan, kesihatan dan kebajikan rakyat secara menyeluruh, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan masyarakat yang sejahtera, inklusif dan berdaya tahan. Turut hadir menyempurnakan majlis perasmian ini adalah YBhg. Datuk Hajjah Sharifah Hasidah Syed Aman Ghazali, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Perhubungan Negeri-Persekutuan, Merangkap ADUN N7), YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia, bersama En. Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, En. Mohd Radzuan Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Takaful Malaysia serta En. Syuhaib Ithnin, Ketua mySalam.

Sejak pelaksanaan skim mySalam pada tahun 2019, Great Eastern Takaful selaku pengurus skim mySalam telah menyalurkan manfaat tuntutan berjumlah RM1.25 bilion kepada seramai 1.74 juta individu¹. Angka ini membuktikan komitmen berterusan dalam membantu rakyat yang memerlukan, khususnya golongan B40 yang menjadi sasaran utama skim ini. Selain manfaat tunai dan perlindungan kesihatan, skim ini turut menjadi pemangkin kepada kesedaran kewangan dan pengurusan risiko dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah.

Menurut En. Syuhaib Ithnin, Ketua mySalam di Great Eastern Takaful Berhad, "Karnival 3K ini bukan sahaja tentang memberi bantuan, tetapi juga memberi ilmu, akses dan peluang kepada masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup mereka secara holistik. Ia mencerminkan usaha berterusan kami untuk menyokong visi Kerajaan MADANI dalam membina masyarakat yang lebih berdaya tahan, celik kewangan dan sihat dari segi fizikal

¹ Jumlah pembayaran tuntutan mySalam yang direkodkan sehingga 31 Julai 2025

serta mental. Kami percaya bahawa perlindungan bukan sekadar sijil, tetapi satu bentuk sokongan sosial yang mampu mengubah kehidupan.”

Karnival 3K turut membawakan pelbagai aktiviti berimpak tinggi kepada masyarakat. Dari segi kewangan, sesi literasi kewangan telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman serta kemahiran mengurus wang secara bijak. Selain itu, Kerajaan MADANI telah menyediakan Baucar Perlindungan Tenang (PTV) bernilai RM30 kepada dua juta rakyat Malaysia yang layak dengan jumlahnya bernilai lebih RM60 juta. Dengan segmen sasaran yang sama, karnival ini dimanfaatkan untuk mempromosikan penebusan PTV sebagai langkah untuk perlindungan yang lebih lengkap. Baucar ini boleh ditebus bermula 1 September 2025 untuk mendapatkan pelan perlindungan takaful yang sesuai, merangkumi manfaat kematian sebagai nilai tambah kepada perlindungan mySalam sedia ada.

Turut memfokuskan aspek kesihatan, saringan kesihatan percuma turut disediakan oleh Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40), termasuk pemeriksaan asas dan ujian darah kepada pengunjung untuk mengetahui tahap kesihatan mereka. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan rakyat serta menggalakkan pengesanan awal penyakit, terutamanya penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat dalam kalangan golongan B40.

Dalam usaha menyantuni golongan yang memerlukan pula, sebanyak 140 bakul makanan telah disumbangkan kepada keluarga asnaf terpilih. Sumbangan yang ditaja oleh Great Eastern Takaful, Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Mydin Kuching ini adalah lambang keprihatinan terhadap komuniti yang kurang berkemampuan. Inisiatif ini bukan sahaja memberi bantuan segera, tetapi juga menyemai nilai empati dan solidariti dalam kalangan masyarakat.

Karnival ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti bersama komuniti seperti taklimat kesedaran alam sekitar, sukan rakyat, Larian Merdeka dan cabutan rezeki yang menawarkan pelbagai hadiah menarik. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menghiburkan, malah mengeratkan hubungan antara masyarakat setempat serta menyemarakkan semangat patriotisme sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Karnival ini dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Takaful Malaysia dan Pejabat Parlimen P194, bagi memastikan manfaat yang ditawarkan dapat disampaikan secara menyeluruh kepada kumpulan sasaran.

-TAMAT-

MENGENAI mySalam

mySalam ialah skim perlindungan takaful PERCUMA yang disediakan oleh kerajaan kepada komuniti B40 di Malaysia. Skim ini adalah di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia dengan pembiayaan Tabung Amanah mySalam dan pengurusannya dikendalikan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad.

Skim Perlindungan Takaful mySalam telah diperkenalkan dengan pengoperasian selama lima tahun, bermula pada tahun 2019 sehingga 2023. Susulan maklum balas positif yang diterima, pihak kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan skim ini sehingga tahun 2025.

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak

ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com